



*Memo*  
**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 9 Ogos 2010


**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSAIA**  
**BIL 14 TAHUN 2010**  
**KEHADIRAN PEGAWAI DI PROGRAM / MAJLIS YANG DIBIAYAI OLEH LGM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan LGM memandang berat mengenai ketidak hadiran pegawai ke Program atau Majlis yang dibiayai oleh LGM seperti program latihan, seminar dan majlis Makan Malam. Oleh itu tindakan akan diambil ke atas pegawai yang telah dicalonkan, dikenalpasti dan diarah menghadiri program dan sesuatu Majlis tetapi gagal hadir, kecuali seorang pegawai lain hadir bagi pihak beliau.
3. Tindakan yang akan diambil ialah mengenakan caj bayaran berdasarkan kos program atau kos makan untuk satu (1) individu ke majlis tersebut. Sekiranya tidak dapat hadir, calon pengganti perlu dikenalpasti dan hadir. Walau bagaimanapun, jika calon pengganti juga tidak hadir maka calon pengganti perlu menanggung kos tersebut.
4. Pelaksanaan tindakan ini berkuat kuasa mulai pada tarikh memo dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

  
**(ROSNA BT ABD. RAZAK)**

s.k : Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian